



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

SIARAN MEDIA

6 EKOR LEMBU, 100 PETUGAS JPA JAYAKAN IBADAH KORBAN KAMPUNG ANGKAT MADANI DI SERI MENANTI

SERI MENANTI, NEGERI SEMBILAN, 9 JUN 2025 – Sebanyak 6 ekor lembu korban berjaya disembelih dan diagihkan kepada komuniti dalam Program Ibadah Korban Kampung Angkat MADANI anjuran Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang berlangsung di Masjid Diraja Seri Menanti, Kuala Pilah, hari ini. Seramai 100 pegawai dan kakitangan JPA dari pelbagai peringkat turut turun padang sebagai petugas, menyantuni masyarakat setempat dalam semangat kebersamaan sempena Aidiladha.

Program kali kedua ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Indera Nik Nasarudin bin Nik Zawawi, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), JPA, yang turut menyaksikan komitmen berterusan JPA dalam memperkasa hubungan erat antara agensi kerajaan dan masyarakat luar bandar, selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI.

MENYEMARAKKAN SEMANGAT PENGORBANAN & UKHUWAH

Bermula seawal jam 8.00 pagi, program ini menyaksikan petugas JPA terlibat aktif dalam seluruh proses ibadah korban iaitu dari perancangan, penyembelihan, penyediaan hingga ke pengagihan daging korban kepada penduduk Kampung Seri Menanti. Menyedari keperluan golongan yang kurang berkemampuan, JPA turut menyampaikan bantuan tunai kepada seramai 24 orang asnaf di Kampung Seri Menanti, Kuala Pilah sebagai tanda keprihatinan terhadap kebajikan mereka. Keprihatinan ini bukan sahaja mencerminkan nilai pengorbanan dan keikhlasan seperti yang dituntut dalam Islam, malah memperkukuh nilai hormat dan kasih sayang dalam kalangan masyarakat setempat.

Selain sumbangan haiwan korban, JPA turut menaja logistik, sarapan pagi, dan makan tengah hari kepada semua petugas, menjadikan program ini bukan sekadar ritual keagamaan, tetapi juga wadah membina ukhuwah yang berpanjangan.

MADANI: DARI ASPIRASI KE TINDAKAN

Program ini adalah antara langkah proaktif JPA dalam menjayakan inisiatif Kampung Angkat MADANI, dengan matlamat memperkukuh tanggungjawab sosial, memperluas penghayatan nilai murni, serta membina jambatan mesra rakyat di peringkat akar umbi.

Semoga usaha ini menjadi amal jariah yang diberkati, sekaligus menyemai semangat Malaysia MADANI yang bertunjangkan kebersamaan, kasih sayang dan kesejahteraan ummah.

###

Jabatan Perkhidmatan Awam

Tarikh : 9 Jun 2025
E-mel : komunikasi@jpa.gov.my
No. Rujukan : JPA.100-9/1/2 Jld.3 (13)